dengan bantahan ini tidak bermakna umat Islam menolak cara berdaftar itu bahkan mereka menghendaki pendaftaran tetapi janganlah kerana pendaftaran itu akan melanggar hukum-hukum Islam.

Tetapi sepatutnya pendaftaran itu dilakukan dengan serta-merta – tidak dilengah-lengahkan dan lelaki yang mencuaikan tanggungjawabnya atas isteri yang ditalak itu, mengikut perintah syarak hendaklah dituntut dengan tuntutan yang dikuatkuasakan oleh undang-undang negeri apabila ia enggan membayar tanggungjawabnya.

Ini satu daripada contohnya dan mungkin ada lain-lain perkara lagi. Jika dengan cara ini, adanya rang undang-undang itu tentu kelak akan menimbulkan perasaan tidak puas hati umat Islam khususnya.

Kepada Jamiyah tentunya 22 orang itu lebih-lebih lagi tidak senang dan tidak puas hati kerana mereka dibelakangkan.

* * *

Sekali Lagi Hak Penduduk-penduduk Kecil

Suruhanjaya menerima fikiran, syor dan pendapat mengenai golongan-golongan kecil di Singapura memulakan sidangnya pada awal bulan March 1966 dengan cara terbuka. Fikiran-fikiran yang dikemukakan dengan hujah-hujahnya dibukakan kepada umum mendengarnya dan permintaan untuk memberi fikiran dan pendapat kepada pesuruhjaya itu telah pun ditutup pada 15 Februari 1966 yang lalu. Segala fikiran dan pendapat yang dikemukakan oleh seseorang dan badan kepada suruhanjaya itu tidak boleh menyiarkan sebelum fikirannya itu dikemukakan kepada suruhanjaya itu.

Pada bulan September 1965, kita telah memberi pandangan sedikit tentang hak penduduk-penduduk kecil di Singapura. Dengan terpisahnya Singapura dari Malaysia dengan sendirinya penduduk-penduduk kecil itu menghendaki supaya maslahat dan kedudukan mereka itu dikawal oleh mana-mana satu pemerintah yang memerintah di Singapura ini. Jika tidak ada kawalan di atas maslahat dan kedudukan mereka sudah barang tentu "si kecil makanan si besar" – "si lemah makanan si kuat" dan dengan sendirinya penduduk-penduduk kecil itu akan hapus dan mendapat tindasan daripada yang besar dan adanya suatu bab di dalam perlembagaan yang baru di dalam perlembagaan Singapura yang akan datang adalah menjadi suatu langkah kesedaran dan keinsafan supaya rakyat yang bersama-sama berhak di dalam sesebuah negara, sebagai negara demokrasi, mendapat kawalan yang wajar.

Puak yang kecil itu kadang-kadang seperti lada padi – apabila terhimpit mereka akan bertindak dan tindakan mereka akan membuka mata dunia seluruhnya. Kerap kali juga golongan yang kecil yang tidak cukup mendapat kawalan itulah menjadi punca kurang tenteram sesebuah negara. Perhatilah peristiwa orang-orang Turki di Cyprus dan orang-orang Arab di Israel.

Kalau kita perhatikan di Singapura ini golongan kecil itu boleh dibahagikan kepada tiga golongan penganut-penganut agama – Islam, Kristian dan Hindu yang meliputi kepada tiga golongan:

Islam – meliputi golongan Melayu dan Peranakan dari berbagai bangsa yang menganut agama Islam dan yang bertutur dalam bahasa Melayu.

Kristian – meliputi golongan-golongan Nasrani dan Ceylon yang menganut agama Kristian yang bertutur dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

Hindu – meliputi orang-orang India yang menganut agama Hindu dan bertutur dalam bahasa Tamil termasuk golongan-golongan orang yang berasal dari India.

Dengan membahagikan demikian ini, menurut pendapat kita, dapatlah pembahagian golongan kecil itu dengan syarat-syarat menjadi putera negara ini ataupun menjadi penduduk negeri ini yang berhak sebagai hak-hak yang sama dengan penduduk-penduduk yang lain.

Umumnya ketiga-tiga golongan ini maslahat-maslahatnya tidak masuk dalam badan-badan politik dan tidak pula mereka gemar menjadi calon dalam satu-satu pilihan raya di atas nama golongan mereka. Kalau kita perhatikan pula dalam kerajaan yang ada, sungguhpun ada orang-orang yang termasuk dalam tiga golongan itu tetapi mereka tidak mewakili golongan ini sebab pilihan yang diadakan oleh mereka adalah untuk parti siasah mereka dan tentunya untuk maslahat parti mereka.

Tidak dapat dinafikan bahawa perjuangan parti adalah mengikut kemahuan parti. Cara-cara pertadbiran kawasan yang ada sekarang, di dalam pilihan-pilihan raya yang akan datang tidak memungkinkan maslahat-maslahat puak kecil itu akan terkawal dan dijaga, dan tidak pula maslahat-maslahat mereka itu akan didengar dan akan diperhatikan kerana kalau-pun ada "perhatian" kepada mereka adalah "perhatian" itu semata-mata ada kaitannya dengan maslahat sesuatu parti. Oleh yang demikian maka telah wajarnya bagi golongan-golongan ini diuntukkan wakil-wakil yang mewakili mereka (*nomination*) yang dijadikan wakil-wakil yang bebas di dalam Parlimen dan juga di dalam Dewan Senat.

Wakil-wakil yang dilantik ini bolehlah dijadikan tempat mendapat fikiran bagi mengetahui maslahat dan kehendak penduduk-penduduk kecil itu dan kerana itu pilihan untuk mereka hendaklah diberikan kepada orang-orang yang layak yang betul-betul orang itu bekerja bagi maslahat golongan mereka sama ada di dalam kebajikan, ekonomi dan pertadbiran cara hidup mereka.

Dengan menjadinya Singapura ini sebuah negara yang bersendiri maka cara-cara pertadbiran yang lalu, sebagaimana yang pernah disebut oleh Perdana Menteri Singapura, bahawa "penduduk-penduduk Singapura ini tidak boleh dilebihkan di antara satu sama lain dan kelebihan-kelebihan yang diberi diasaskan atas kelayakan mereka sahaja" itu tidaklah boleh dipakai lagi kerana jika yang demikian itu dilakukan sudah barang tentu penduduk-penduduk kecil yang lemah ekonominya tidak akan dapat bersaing dengan penduduk-penduduk besar di dalam negara ini dan jika dibiarkan mereka sedemikian rupa maka mereka akan tidak mendapat tempat hidup di dalam Singapura.
Oleh yang demikian kawalan kepada maslahat-maslahat mereka dan kedudukan mereka mestilah ada termaktub di dalam Perlembagaan dan dengan adanya wakil-wakil yang dilantik (*nomination*) dari golongan mereka dapatlah dengan perantaraan wakil-wakil yang dilantik ini menyampaikan hajat dan kehendak golongan kecil dan itu dan dapatlah dari satu ke suatu masa mereka menyampaikan apa-apa yang mereka berasa berhak mendapatnya, yang barangkali dicuaikan oleh sesuatu kerajaan yang memerintah di dalam hal-hal yang mengenai mereka yang termaktub di dalam perlembagaan.

Di dalam menjaga dan mengawal maslahat mereka itu hendaknya dijauhkan perasaan-perasaan yang timbul daripada golongan-golongan yang besar terhadap golongan kecil – hendaknya di dalam membuat perlembagaan ini golongan besar mestilah berperasaan yang mereka berkewajipan mengawal, menjaga dan memperbaiki keadaan hidup golongan-golongan kecil di dalam negara Singapura yang mereka hidup bersama-sama kerana jika mereka tidak diendahkan dan jika mereka berasa hidupnya tertekan sudah barang tentu kerana "mahu hidup" dan berasa "berhak mesti hidup"
mereka akan membuat apa sahaja yang mungkin di antaranya menimbulkan hal-hal yang tidak sepatutnya ada jika sama-sama semuanya penduduk Singapura bersama-sama menikmati kehidupan yang wajar bersama-sama.